

POLISI INFINITE PA

APAKAH YANG MEMBENTUK POLISI INI

Insurans tidak melindungi Anda daripada apa jua yang boleh berlaku.

Tajuk tidak dikira sebahagian daripada pernyataan Polisi.

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran Premium seperti yang ditetapkan di dalam Jadual dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan Anda (atau semasa memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan apa-apa pendedahan lain yang telah Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di dalam mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini merangkumi terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Polisi ini menyatakan perlindungan insurans yang Anda terima seperti yang ditunjukkan dalam Jadual dan keadaan-keadaan di mana Anda dilindungi dan tidak dilindungi.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, Kami akan menghantar satu salinan Polisi sahaja. Sila simpan buku Polisi ini di tempat yang selamat. Dalam kes pembaharuan Polisi dan/atau pindaan syarat Polisi, Kami akan menghantar Jadual pembaharuan dan/atau Endorsemen sahaja kepada Anda. Jika pada bila-bila masa Anda mahu salinan penggantian dokumen ini, sila hubungi Kami dan Kami sedia membantu.

KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

1. Komunikasi

Semua komunikasi kepada Kami mesti dibuat secara bertulis atau hubungi Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank di 1300 88 6688.

2. Kewajipan pendedahan sebelum insurans ini diberikan

- i) Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini) sebagai contoh, Anda perlu menjawab dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, keengganan atau pengurangan tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda selaras dengan remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
- ii) Jika Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejujurnya, insurans ini mungkin tidak sah atau Polisi mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

3. Kewajipan pendedahan sepanjang tempoh insurans ini

Anda dikehendaki memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans ini atau mana-mana Polisi lain yang berkuatkuasa ke atas Anda atau oleh Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini atau Polisi-polisi lain) tidak tepat atau telah berubah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan dalam pekerjaan Anda, tugas kerja, aktiviti sukan, atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko termasuk sebarang penyakit, kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental. Kami mungkin:

- i) meminta Anda membayar Premium tambahan bagi peningkatan risiko tersebut;
- ii) membuat perubahan kepada terma dan syarat Polisi ini; atau
- iii) membiarkan terma, syarat dan Premium Polisi seadanya tanpa diubah.

Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko jika dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kami.

DEFINISI

Melainkan dinyatakan atau ditakrifkan sebaliknya, definisi dengan tafsiran yang dinyatakan di bawah, akan digunapakai kepada Polisi ini.

Ahli Keluarga bermaksud pasangan Anda, ibu bapa, ibu dan bapa mertua, datuk dan nenek, anak, abang, kakak atau adik.

Anak atau **Anak-anak** bermaksud anak kandung atau anak tiri atau anak angkat sah yang belum berkahwin, tidak mempunyai pekerjaan tetap, berumur di antara empat puluh lima (45) hari sehingga enam belas (16) tahun [atau tidak melebihi dua puluh tiga (23) tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf].

Barangan Peribadi bermaksud beg tangan, dompet dalam simpanan Anda bersama-sama dengan kandungan di dalamnya dan/atau barang-barang berharga atau barang kemas yang dibawa atau dipakai oleh Anda.

Bonus Pembaharuan bermaksud ganjaran yang diberikan untuk pembaharuan tahunan Polisi bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan untuk setiap tahun sehingga maksimum lima puluh peratus (50%) dengan syarat tiada tuntutan di bawah Seksyen 1 (Kematian Akibat Kemalangan), Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) dan Seksyen 4 (Indemniti Berganda) dalam Tempoh Insurans sebelumnya. Untuk layak mendapat Bonus Pembaharuan setiap tahun, pembaharuan Polisi mestilah berterusan dan tidak luput dalam mana-mana tahun tertentu. Pembayaran Bonus Pembaharuan sebagai tambahan kepada Jumlah Pokok Diinsuranskan hanya terpakai di bawah Seksyen 1 (Kematian Akibat Kemalangan), Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) dan Seksyen 4 (Indemniti Berganda).

Data Peribadi bermaksud apa-apa maklumat yang berkait secara langsung atau tidak langsung kepada Anda dan meliputi mana-mana individu yang data peribadinya telah dikemukakan oleh Anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau daripada

maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milikan Kami, termasuk mana-mana data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang Anda dan individu tersebut. Bagi tujuan penjelasan, data peribadi Anda mungkin boleh diberikan kepada Kami oleh pihak ketiga yang berkuasa.

Doktor bermaksud pengamal perubatan yang berdaftar, yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat, dan yang semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Doktor yang merawat bukan Anda, Pasangan, rakan kongsi perniagaan, majikan, pekerja, ejen atau individu yang berkaitan dengan Anda dalam apa jua cara melalui pertalian darah, perkahwinan, atau pengambilan keluarga angkat.

Endorsemen bermaksud perubahan bertulis atau pindaan ke atas maklumat, terma-terma, dan syarat-syarat Polisi ini. Endorsemen ke atas Polisi ini mesti dikeluarkan oleh pihak Kami.

Hilang Anggota bermaksud amputasi antara pergelangan tangan dan bahu untuk lengan, atau antara buku lali dan pinggul untuk kaki, atau hilang upaya menyeluruh dan kekal bagi keseluruhan tangan, lengan, atau kaki.

Hilang Pendengaran bermaksud hilang upaya mendengar kekal, menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Hilang Penglihatan bermaksud hilang penglihatan kekal, menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk sebelah mata atau kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

Hilang Pertuturan bermaksud kehilangan pertuturan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan dengan rawatan pembedahan atau lain-lain.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal bermaksud bahawa Anda tidak berupaya untuk melaksanakan apa-apa kerja, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, semata-mata akibat Kemalangan, tanpa peluang untuk pulih berdasarkan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa, akibat mengalami lumpuh menyeluruh dan kekal, kekal terlantar sakit di katil atau tidak siaman.

Hilang Upaya Menyeluruh Sementara bermaksud Anda tidak berupaya untuk melaksanakan apa-apa kerja atau profesion untuk mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, semata-mata akibat Kemalangan, seperti yang disahkan oleh Doktor.

Hospital bermaksud institusi yang menyediakan kemudahan penginapan untuk pesakit dalam dan kemudahan untuk diagnosis, pembedahan dan rawatan. Ia tidak termasuk rumah penjagaan jangka masa panjang, pusat pemulihan, pusat penjagaan orang tua atau kemudahan penjagaan lanjutan.

Jadual bermaksud Jadual Polisi di mana Manfaat dan Jumlah Yang Diinsuranskan dinyatakan.

Jumlah Pokok Diinsuranskan bermaksud jumlah yang diinsuranskan pada permulaan asal pada tahun pertama pendaftaran seperti yang dinyatakan di bawah Apa Yang Dilindungi oleh Polisi Anda dan dalam Jadual mengikut jenis pelan yang dibeli dan tidak termasuk sebarang bonus.

Kami bermaksud Etiqa General Insurance Berhad.

Keadaan Sedia Ada bermaksud Penyakit yang mana Orang Yang Diinsuranskan dianggap mempunyai pengetahuan munasabah, berdasarkan mana-mana yang berikut berlaku sebelum Tarikh Insurans Berkuatkuasa:

- Orang Yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;
- Gejala yang jelas dan nyata dapat atau telah dilihat dengan ketara; atau
- Kewujudannya jelas kepada orang yang berfikir waras dalam keadaan tersebut.

Kecederaan bermaksud kecederaan badan yang dialami oleh Anda semasa Tempoh Insurans yang disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada Kemalangan. Ini tidak termasuk apa-apa keuzuran, penyakit, parasit, bakteria, jangkitan parasit atau virus walaupun dijangkiti daripada Kemalangan, atau apa-apa keadaan yang berlaku secara semula jadi atau proses hilang upaya atau disebabkan oleh sebarang punca yang berlaku secara berperingkat.

Keganasan bermaksud tindakan, atau tindakan-tindakan, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, yang dilakukan atas tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau sebahagian orang awam, dalam ketakutan. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan penggunaan tersebut. Keganasan tersebut dilakukan secara bersendirian atau bagi pihak, atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan. Keganasan hendaklah juga termasuk apa-apa perbuatan yang disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan (yang berkaitan) sebagai tindakan keganasan dan/atau dikawal di bawah undang-undang yang berkaitan.

Kemalangan bermaksud kejadian yang tiba-tiba, tidak dirancang, tidak dijangka, luar biasa dan kejadian spesifik yang berlaku pada masa dan tempat yang dikenali pasti, bebas daripada apa-apa sebab lain dan menjadi punca tunggal Kecederaan.

Manfaat bermaksud manfaat seperti yang dinyatakan dalam Polisi, Jadual dan/atau Endorsemen, dibayar oleh Kami di bawah terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini bagi setiap kejadian atau kerugian yang dilindungi oleh Polisi ini.

Manfaat Mingguan bermaksud manfaat yang boleh dibayar mengikut pada kadar mingguan.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, atau **OPK** bermaksud suatu badan bebas yang ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif selain mahkamah.

Orang Yang Diinsuranskan dan Anda bermaksud orang yang dinamakan di dalam Jadual sebagai Orang Yang Diinsuranskan, yang berumur sekurang-kurangnya enam belas (16) tahun dan tidak lebih daripada enam puluh lima (65) tahun pada Tarikh Berkuatkuasa Takaful dan mestilah seorang Warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia atau penduduk yang bekerja secara sah di Malaysia dan/atau Pasangan dan Anak-anak mereka yang tinggal secara sah di Malaysia. Skim yang dipilih oleh Pemegang Polisi sama ada:

- Diri Sendiri bermaksud Anda seorang sahaja,
- Diri Sendiri dan Pasangan bermaksud Anda dan Pasangan Anda,
- Diri Sendiri dan Anak-anak, atau
- Keluarga.

Pasangan bermaksud suami atau isteri Anda di bawah perkahwinan yang diiktiraf oleh undang-undang Malaysia, berumur di antara enam belas (16) dan enam puluh lima (65) tahun pada Tarikh Insurans Berkuatkuasa. Hanya seorang (1) Pasangan Sah yang layak diinsuranskan di bawah Polisi ini.

Pemegang Polisi bermaksud orang yang dinamakan di dalam Jadual sebagai individu yang mempunyai hak sepenuhnya ke atas Polisi.

Penama bermaksud orang yang dinamakan oleh Pemegang Polisi untuk menerima Manfaat insurans yang dibayar di bawah Polisi ini setelah kematian Anda. Penamaan tersebut mesti didaftarkan dengan Kami.

Pengangkutan Awam bermaksud pengangkutan berlesen dan mempunyai jadual dan laluan yang telah ditetapkan melalui darat, jalan air atau udara yang beroperasi sebagai satu bentuk pengangkutan awam, dan mana-mana orang awam boleh menaikinya di perhentian yang diiktiraf dan membayar tambang. Pengangkutan Awam termasuk perkhidmatan teksi tetapi tidak termasuk kenderaan yang disewa, koc persiaran atau apa-apa perkhidmatan yang disewa.

Penghospitalan bermaksud kemasukan ke Hospital sebagai pesakit dalam dan bagi tempoh sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam berturut-turut, dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit berdaftar yang tinggal semalaman atas cadangan atau syor oleh Doktor.

Penyakit bermaksud keadaan fizikal yang ditandakan dengan penyimpangan patologikal daripada keadaan kesihatan normal seperti yang disahkan oleh Doktor.

Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak;
- cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma; dan
- penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta.

Peranti Pintar bermaksud peranti elektronik seperti telefon pintar, tablet, pembantu digital peribadi, komputer riba dan barangan yang seumpamanya.

Ragut Atau Percubaan Meragut bermaksud perbuatan mencuri atau cubaan mencuri dari Anda. Bagi tujuan Polisi ini, Ragut atau Percubaan Meragut juga termasuk penyeluk saku, rompak atau percubaan merompak dan merebut ragut situasi di mana barang kepunyaan Anda diragut, atau cubaan meragut dari Anda.

Peralatan Sukan bermaksud peralatan yang diperlukan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan seperti raket, kelab golf atau bola dan peralatan yang seumpamanya.

Perbelanjaan Perubatan bermaksud kos pembedahan perubatan atau cara pemulihan lain, rawatan atau peralatan yang diberikan atau ditetapkan oleh Doktor dan semua caj kejururawatan Hospital dan caj ambulans yang Perlu Dari Segi Perubatan.

Perlu Dari Segi Perubatan bermaksud perkhidmatan perubatan yang:

- konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim bagi hilang upaya yang dilindungi;
- mengikut piawai amalan perubatan yang baik, yang konsisten dengan piawaian penjagaan perubatan profesional semasa, dan mempunyai manfaat perubatan yang terbukti;
- bukan untuk kesenangan Anda atau Doktor, dan tidak dapat disediakan secara munasabah sewajarnya di luar Hospital (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam); dan
- bukan berbentuk eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, atau pencegahan atau yang bersifat pemeriksaan, yang mana caj yang dikenakan adalah adil, munasabah dan lazim untuk hilang upaya tersebut.

Pihak Menuntut bermaksud orang yang layak membuat tuntutan ke atas Manfaat insurans, mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

Polisi bermaksud kontrak insurans Anda yang mengandungi pernyataan Polisi ini, Jadual dan sebarang Endorsemen.

Premium bermaksud apa-apa jumlah yang Kami tetapkan untuk Anda bayar di bawah Polisi ini dan termasuk caj-caj Kerajaan.

Rampasan bermaksud penyitaan dan mengambil alih kawalan Pengangkutan Awam secara menyalahi undang-undang dari krew yang tetap dengan menggunakan atau mengancam menggunakan keganasan.

Setiap Hari Kemasukan didefinisikan sebagai hari kemasukan sebagai pesakit dalam yang berdaftar di Hospital untuk jangka masa minimum dua puluh empat (24) jam atas cadangan Doktor.

Tarikh Insurans Berkuatkuasa bermaksud tarikh berkuatkuasa di dalam Jadual.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh di mana Anda diinsuranskan.

APA YANG DILINDUNGI OLEH POLISI ANDA

Seksyen Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Seksyen 1 – Kematian Akibat Kemalangan				
Sekiranya semasa Tempoh Insurans, Anda mengalami Kecederaan yang mengakibatkan Kematian, dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di bawah:				
a) Setiap Dewasa	50,000	150,000	500,000	1,000,000
b) Setiap Anak	10,000	30,000	100,000	200,000

Seksyen Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Section 2 – Kematian Akibat Virus Corona, Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya				
<p>Sekiranya Anda meninggal dunia dalam Tempoh Insurans disebabkan Virus Corona, Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di bawah:</p> <p>a) Setiap Dewasa b) Setiap Anak</p> <p>Kami tidak akan membayar Manfaat ini jika kematian Anda disebabkan oleh penyakit yang dilindungi yang berlaku atau didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama daripada Tempoh Insurans Berkuatkuasa bagi tahun pertama Polisi atau tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana lebih kemudian.</p>	5,000 1,000	15,000 3,000	50,000 10,000	100,000 20,000
Seksyen 3 – Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan				
<p>Sekiranya semasa Tempoh Insurans, Anda mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Hilang Upaya Kekal, dalam masa dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh Kemalangan, Kami akan membayar kadar Jumlah Diinsuranskan yang berkaitan seperti yang dinyatakan di bawah:</p> <p>a) Setiap Dewasa b) Setiap Anak</p> <p>Kadar Jumlah Diinsuranskan Dibayar</p> <ol style="list-style-type: none"> Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Hilang dua (2) anggota badan Hilang Penglihatan pada kedua-dua belah mata Hilang Penglihatan pada sebelah (1) mata dan hilang satu (1) anggota badan Hilang satu (1) anggota badan Hilang Penglihatan pada sebelah (1) mata Hilang Pendengaran kedua-dua belah telinga Hilang Pertuturan <p>Manfaat maksimum yang boleh dibayar di bawah Seksyen 2 adalah terhad kepada 100% daripada Jumlah Diinsuranskan. Semua kerugian lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar akan mengurangkan perlindungan oleh jumlah tersebut dari tarikh Kemalangan hingga tamat tempoh Polisi ini. Manfaat hilang upaya separa tidak akan dibayar.</p>	50,000 10,000	150,000 30,000	500,000 100,000	1,000,000 200,000
<ol style="list-style-type: none"> 100% 100% 100% 100% 50% 50% 50% 50% 	100%	100%	100%	100%
Seksyen 4 – Indemniti Berganda				
<p>Jumlah Diinsuranskan akan meningkat dua kali ganda jika Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) masing-masing berlaku dalam keadaan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Anda menaiki Pengangkutan Awam; Pengangkutan Awam yang dinaiki oleh Anda dirampas semasa dalam perjalanan; Anda menjadi mangsa pembunuhan, dengan syarat kejadian itu bukan berpunca daripada atau berkaitan dengan penyertaan Anda sendiri atau provokasi daripada mana-mana perbuatan itu; atau Anda menjadi mangsa Keganasan, dengan syarat secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh, secara aktif atau sebaliknya, tidak mengambil bahagian atau terlibat dalam mana-mana perbuatan sedemikian. <p>Nota: Tuntutan di bawah indemniti berganda dibayar hanya untuk salah satu perlindungan di bawah (1), (2), (3) atau (4) bagi setiap Kemalangan.</p>	Sehingga 100,000	Sehingga 300,000	Sehingga 1,000,000	Sehingga 2,000,000
Seksyen 5 – Tunai Ihsan				
<p>Sekiranya apa-apa Jumlah Diinsuranskan dibayar di bawah Seksyen 1 (Kematian Akibat Kemalangan) atau Seksyen 2 (Kematian Akibat Virus Corona, Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika, atau Chikungunya) Polisi ini, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Diinsuranskan di bawah seksyen ini.</p>	1,000	1,000	1,000	1,000
Seksyen 6 – Dana Pendidikan Anak-anak				
<p>Sekiranya apa-apa Jumlah Diinsuranskan dibayar di bawah Seksyen 1 (Kematian Akibat Kemalangan) Polisi ini, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Diinsuranskan di bawah seksyen ini.</p>	20,000 setiap Anak	20,000 setiap Anak	20,000 setiap Anak	20,000 setiap Anak

Seksyen Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Seksyen 7 – Manfaat Tunai Bulanan bagi Hilang Upaya Kekal Menyeluruh				
<p>Sekiranya sebarang Jumlah Diinsuranskan di bawah Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) layak dibayar bagi yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, Kehilangan dua (2) anggota badan, Kehilangan Penglihatan pada kedua-dua belah mata, atau Kehilangan Penglihatan pada sebelah (1) mata dan kehilangan satu (1) anggota badan, <p>Kami akan membayar Manfaat Tunai Bulanan untuk lima (5) tahun berturut-turut bermula dari bulan selepas pembayaran Jumlah Diinsuranskan di bawah Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) dan setelah Kami mendapat pengesahan dari Doktor yang merawat yang menyatakan bahawa Anda telah mencapai Peningkatan Perubatan Maksimum.</p> <p>Adalah menjadi pra-syarat bagi bayaran di bawah seksyen ini bahawa Jumlah Diinsuranskan di bawah Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) hendaklah telah dibayar kepada Anda. Sekiranya Anda meninggal dunia sebelum berakhirnya tempoh lima (5) tahun, pembayaran sekaligus yang bersamaan dengan baki jumlah bayaran bulanan akan dibayar kepada Penama Anda atau wasi atau pentadbir yang sah.</p>	2,000 sebulan, sehingga 120,000	2,000 sebulan, sehingga 120,000	2,000 sebulan, sehingga 120,000	2,000 sebulan, sehingga 120,000
Seksyen 8 – Perbelanjaan Perubahan Cara Hidup				
<p>Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Diinsuranskan bagi kos yang ditanggung oleh Anda yang dianggap perlu untuk mengubahsuai tempat tinggal Anda, kenderaan Anda atau memindahkan Anda ke tempat tinggal yang lebih sesuai sekiranya Anda mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat Kemalangan, dengan syarat bahawa pengubahsuaian tersebut diperlukan dan sangat penting untuk tujuan memungkinkan Anda mengatasi kecacatan dan membantu pergerakan Anda.</p> <p>Kami juga akan membayar balik kepada Anda bagi kos sebenar pembelian kerusi roda, lengan atau kaki buatan dan kruk/topong) dengan syarat peralatan perubatan sedemikian diperlukan untuk membantu pergerakan Anda dan disyorkan oleh doktor pakar / pakar bedah.</p> <p>Jumlah yang dibayar di bawah seksyen ini tidak akan melebihi Jumlah Diinsuranskan yang ditentukan.</p>	Sehingga 4,000	Sehingga 6,000	Sehingga 8,000	Sehingga 10,000
Seksyen 9 – Baki Tunggakan Pembiayaan / Pinjaman				
<p>Sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan terhadap Anda, Kami akan membayar baki tunggakan pembiayaan / pinjaman sewa beli kenderaan bermotor persendirian, pembiayaan / pinjaman gadai janji, penyelesaian pembiayaan/ pinjaman peribadi termasuk baki tunggakan kredit atau kad caj yang dimiliki dengan institusi kewangan berlesen pada tarikh kehilangan / Kemalangan sehingga had Amaun Manfaat, dengan syarat:</p> <ol style="list-style-type: none"> Anda adalah individu (bukan pertubuhan perbadanan) yang mempunyai, pembiayaan / pinjaman sewa beli, gadai janji atau pembiayaan / pinjaman peribadi dengan nama peribadi Anda; dan Kad kredit atau kad caj terhad kepada kad kredit atau kad caj yang dipegang oleh Anda sebagai pemegang kad utama. Kenderaan bermotor yang disebut di bawah bahagian ini terhad kenderaan bermotor persendirian Anda yang didaftarkan di bawah nama Anda. wakil sah yang membuat tuntutan mesti mengemukakan salinan penyata terbaru pembiayaan / pinjaman kad kredit, sewa beli, gadai janji atau pembiayaan / pinjaman peribadi Anda pada tarikh kehilangan / Kemalangan. <p>Bayaran Manfaat ini akan dibayar dengan syarat Anda tidak mempunyai polisi insurans atau sijil takaful lain yang melindunginya, jika tidak Kami hanya akan membayar jumlah lebihan yang mana tidak dilindungi oleh polisi insurans atau sijil takaful lain.</p>	Sehingga 20,000	Sehingga 20,000	Sehingga 20,000	Sehingga 20,000
Seksyen 10 – Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Akibat Kemalangan				
<p>Kami akan membayar Jumlah Diinsuranskan bagi setiap dua puluh empat (24) jam penuh sekiranya Anda dimasukkan ke Hospital untuk rawatan atau pembedahan disebabkan Kemalangan sehingga tiga puluh (30) hari untuk setiap Kemalangan.</p>	50 sehari, sehingga 1,500	100 sehari, sehingga 3,000	200 sehari, sehingga 6,000	300 sehari, sehingga 9,000
Seksyen 11 – Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Akibat Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya				
<p>Kami akan membayar Jumlah Diinsuranskan bagi setiap dua puluh empat (24) jam penuh sekiranya Anda dimasukkan ke Hospital untuk rawatan atau pembedahan disebabkan Anda menghidap Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk,</p>	50 sehari, sehingga 1,500	50 sehari, sehingga 1,500	50 sehari, sehingga 1,500	50 sehari, sehingga 1,500

Seksyen Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
<p>Virus Zika, atau Chikungunya, sehingga tiga puluh (30) hari untuk setiap insiden.</p> <p>Kami tidak akan membayar Manfaat ini untuk penyakit yang dilindungi yang berlaku atau didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama daripada Tempoh Insurans Berkuatkuasa bagi tahun pertama Polisi atau tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana lebih kemudian.</p>				
Seksyen 12 – Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan				
<p>Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Diinsuranskan untuk setiap Kemalangan, bagi kos sebenar perbelanjaan perubatan dan Hospital disebabkan oleh Kemalangan yang diperlukan dan munasabah yang ditanggung tertakluk kepada penyerahan bil yang asal.</p> <p>Sebarang perbelanjaan bagi rawatan tradisional atau alternatif adalah termasuk, dengan syarat bahawa rawatan sedemikian dijalankan sebagai susulan kepada sebarang rawatan perubatan dan Hospital, tetapi terhad kepada RM50 bagi setiap lawatan dan maksimum RM500 bagi setiap Kemalangan. Sebarang rawatan sedemikian hendaklah dilakukan oleh Pengamal Perubatan tradisional atau alternatif yang bertauliah, selain daripada Anda atau Ahli Keluarga Anda, yang berdaftar dan diluluskan oleh pihak berkuasa tertentu.</p> <p>Di dalam sebarang kejadian, pembayaran balik keseluruhan bagi kos sebenar perbelanjaan perubatan, Hospital dan rawatan tradisional atau alternatif yang dibayar di bawah seksyen ini hendaklah tidak melebihi Jumlah Diinsuranskan.</p>	Sehingga 2,000	Sehingga 3,000	Sehingga 4,000	Sehingga 5,000
Seksyen 13 – Ragut				
<p>Kami akan menggantirugi Anda bagi kehilangan atau kerosakan Barangan Peribadi Anda dan perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan yang ditanggung bagi penggantian kad pengenalan peribadi, lesen memandu, pasport, kad akses untuk masuk ke bangunan/ lot parkir, kad-kad kredit dan/atau kad-kad bank yang dicuri atau rosak sekiranya berlaku Ragut atau Percubaan Meragut sehingga had Jumlah Diinsuranskan dalam mana-mana satu Tempoh Insurans tahunan.</p> <p>Had untuk wang tunai tidak akan melebihi Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500).</p> <p>Kami tidak akan membayar sekiranya kehilangan atau kerosakan berlaku di dalam rumah Anda yang Anda diami.</p> <p>Kehilangan atau kerosakan mestilah dilaporkan kepada pihak polis dan/atau pengeluar kad dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas berlakunya kejadian tersebut. Kegagalan untuk melaporkan kepada pihak polis dan/atau pengeluar kad dengan segera tidak akan menyebabkan tuntutan Anda tidak sah sekiranya Kami berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan kepada pihak polis secepat yang munasabah.</p>	Sehingga 1,000	Sehingga 1,000	Sehingga 1,000	Sehingga 1,000

MANFAAT TAMBAHAN DENGAN PREMIUM TAMBAHAN

Ini adalah Manfaat tambahan dan hanya akan diberikan sekiranya Anda telah membayar Premium tambahan untuk Manfaat ini. Manfaat tambahan ini tidak terpakai untuk Anak.

Seksyen Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)
1. Kerugian atau Kerosakan Peralatan Sukan	
<p>Sekiranya belaku kerugian atau kerosakan kepada Peralatan Sukan milik Anda akibat daripada:</p> <p>a) kebakaran;</p> <p>b) ribut; atau</p> <p>c) hentaman atau kemalangan dengan kenderaan pihak ketiga,</p> <p>Kami akan membayar gantirugi kepada Anda untuk kos pembaikan atau penggantian nilai pasaran Peralatan Sukan tersebut jika ia tidak boleh dibaiki sehingga had Jumlah Diinsuranskan, ditolak sebarang akses, dengan syarat laporan polis telah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas belakunya kejadian tersebut. Kegagalan untuk melaporkan kepada pihak polis dengan segera tidak akan menyebabkan tuntutan Anda tidak sah sekiranya Kami berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan kepada pihak polis secepat yang munasabah.</p> <p>Tiada Manfaat akan dibayar untuk:</p> <p>a) Ringgit Malaysia Seratus (RM100) pertama untuk sebarang tuntutan yang dibuat;</p> <p>b) Peralatan yang disewa;</p> <p>c) Peralatan Sukan yang rosak bukan milik Anda;</p> <p>d) Goresan atau kemek atau kerosakan kosmetik yang tidak merosakkan fungsi Peralatan Sukan;</p> <p>e) Kerosakan akibat kerosakan atau kerosakan mekanikal atau elektrik, haus, kerosakan, reka bentuk</p>	Sehingga 3,000

Seksyen Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)
<p>cacat, reput, kulat, cetakan, hama atau serangan atau sebarang sebab operasi secara beransur-ansur;</p> <p>f) Kerosakan akibat penapaian mereka sendiri, pemanasan semula jadi, pembakaran spontan atau mereka mengalami proses pemanasan atau pengeringan;</p> <p>g) Kerosakan yang disebabkan oleh pencucian, pembersihan, pengubahan, pemulihan, pembaikan, penyelenggaraan atau lapuk;</p> <p>h) Segala bentuk pakaian / pakaian sukan dan kasut;</p> <p>Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan sahaja dalam mana-mana satu Tempoh Insurans tahunan. Jumlah keseluruhan yang boleh dibayar di bawah Manfaat ini tidak akan melebihi Jumlah Diinsuranskan yang dinyatakan.</p>	
2. Perlindungan Peranti Pintar	
<p>Sekiranya belaku kerugian atau kerosakan kepada Peranti Pintar milik Anda akibat daripada:</p> <p>a) pecah masuk dan keluar dari premis secara paksa dan menggunakan kekerasan;</p> <p>b) Ragut atau Percubaan Meragut; atau</p> <p>c) pecah masuk secara paksaan dan menggunakan kekerasan ke dalam kenderaan tertakluk bahawa kenderaan tersebut berada dalam keadaan selamat/berkunci,</p> <p>Kami akan membayar gantirugi kepada Anda tolak potongan untuk sebarang keausan, kerosakan atau susut nilai untuk kos pembaikan atau penggantian nilai pasaran Peralatan Sukan tersebut sehingga had Jumlah Diinsuranskan, ditolak sebarang akses, dengan syarat laporan polis telah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas belakunya kejadian tersebut. Kegagalan untuk melaporkannya kepada pihak polis dengan segera tidak akan menyebabkan tuntutan Anda tidak sah sekiranya Kami berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan kepada pihak polis secepat yang munasabah.</p> <p>Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan sahaja dalam mana-mana satu Tempoh Insurans tahunan. Jumlah keseluruhan yang boleh dibayar di bawah Manfaat ini tidak akan melebihi Jumlah Diinsuranskan yang dinyatakan.</p>	Sehingga 3,000
3. Manfaat Mingguan untuk Hilang Upaya Menyeluruh Sementara	
<p>Sekiranya dalam Tempoh Insurans, Anda mengalami Kecederaan yang mengakibatkan Hilang Upaya Menyeluruh Sementara, Kami akan membayar Jumlah Diinsuranskan sehingga maksimum dua puluh empat (24) minggu, berkuatkuasa daripada tarikh pengesahan hilang upaya tersebut oleh Doktor.</p> <p>Manfaat ini perlu dibayar kepada Anda dengan syarat Anda tidak membuat tuntutan di bawah Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) di bawah Polisi ini.</p> <p>Kami tidak akan membayar Manfaat ini sekiranya Anda tidak bekerja atau tidak terlibat dalam mana-mana perniagaan yang berdaftar atau berlesen pada masa Kemalangan. Ini termasuk suri rumah sepenuh masa dan pelajar.</p>	200 seminggu, sehingga 4,800
4. Kehilangan Pendapatan Kerana Pemberhentian Kerja	
<p>Sekiranya Anda diberhentikan dari pekerjaan tetap Anda dalam Tempoh Insurans, Amaun Manfaat akan dibayar kepada Anda untuk tempoh selama tiga (3) bulan. Perlindungan untuk Manfaat ini terhad kepada yang berikut:</p> <p>a) Pemberhentian pekerja dan pemberhentian kerja;</p> <p>b) Penutupan syarikat kerana bencana alam; atau</p> <p>c) Kebankrapan atau penutupan syarikat</p> <p>Syarat untuk Manfaat yang perlu dibayar</p> <p>a) Untuk permohonan baru, liputan akan berkuatkuasa 6 bulan selepas permulaan Polisi.</p> <p>b) Tarikh kuat kuasa penamatan mesti jatuh pada tarikh kuat kuasa Polisi.</p> <p>c) Manfaat dibayar selama 3 bulan.</p> <p>d) Anda boleh menuntut manfaat pemberhentian kerja hanya sekali dalam mana-mana satu Tempoh Insurans tahunan.</p> <p>Tiada Manfaat akan dibayar untuk:</p> <p>a) Apa-apa pemecatan dan termasuk peletakan jawatan aktiviti jenayah kerana gangguan seksual atau ancaman yang dibuat di tempat kerja.</p> <p>b) Kakitangan yang menjalani tempoh percubaan, kakitangan sambilan, asas kontrak, pekerja kasual, kontraktor, sub-kontraktor dan seumpamanya.</p> <p>c) Penamatan kerana alasan tatatertib.</p> <p>d) Skema pemisahan bersama (atau bagaimanapun dinamakan).</p> <p>e) Peletakan jawatan secara sukarela.</p> <p>f) Mengalami sebarang keadaan psikologi, kecacatan atau penyakit.</p> <p>g) diambil bekerja oleh majikan kurang dari 6 bulan.</p> <p>h) diambil bekerja oleh majikan yang tidak diperbadankan di Malaysia.</p> <p>Anda mestilah menyerahkan kepada Kami surat penamatan dan dokumen lain yang berkaitan semasa diberhentikan / diberhentikan.</p>	500 sebulan
5. Perbelanjaan Perubatan Akibat Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya	
<p>Sekiranya Anda menghidap Demam Denggi, Malaria, Encephalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut yang teruk, Zika atau Chikungunya, Kami akan membayar balik kepada Anda kos sebenar perbelanjaan perubatan dan Hospital yang diperlukan dan wajar, termasuk perbelanjaan semua bilik harian dan dewan sehingga had Amaun Manfaat.</p> <p>Kami tidak akan membayar Manfaat ini untuk penyakit yang dilindungi yang berlaku atau didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama daripada Tempoh Insurans Berkuatkuasa bagi tahun pertama Polisi atau tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana lebih kemudian.</p>	Sehingga 2,000

Seksyen Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)
6. Kematian atau Hilang Upaya Kekal Akibat Aktiviti dan Sukan Berbahaya	
<p>Walau apa pun seksyen 'Apa Yang Tidak Dilindungi' - perkara 10, Polisi ini akan diperluaskan untuk melindungi Anda berkaitan Seksyen 1 (Kematian Akibat Kemalangan) atau Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) yang boleh membawa kepada akibat daripada terlibat atau berlatih untuk aktiviti berikut:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>SUKAN LUAR/DALAM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Olahraga • Memanah • Badminton • Bola keranjang • Boling • Menunggang basikal • Menunggang kuda • Bermain pedang • Hoki (padang) • Golf • Gimnastik • Bola baling • Maraton <ul style="list-style-type: none"> • Seni mempertahankan diri (kecuali tinju dan gusti) • Bola jaring • Ragbi • Sepak takraw • Squasy • Bola sepak • Bola lisut • Menembak • Paintball • Pimpong • Triathlon • Bola tampar • Angkat berat <p>SUKAN AIR</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyelam • Meluncur air • Berkanu • Berkayak • Belayar • Selam snorkel • Berenang <ul style="list-style-type: none"> • Paralayar • Meluncur • Lumba dayung • Papan luncur air (Wakeboarding) • Berakit • Polo air • Kapal layar <p>SUKAN MUSIM SEJUK</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keteta luncur Bob-sleighing • Geluncur ais <ul style="list-style-type: none"> • Ski • Luncur papan salji (Snowboarding) <p>SUKAN-SUKAN LAIN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Turun cenuram (Abseiling) • Terjun lelabah (Bunge Jumping) • Jelajah gua • Lumba Kart • Geluncur angin (Hang gliding) • Kembara (Hiking) • "Inline skating" • Mendaki gunung <ul style="list-style-type: none"> • Payung terjun (Parachuting) • Polo • Power boating • Permainan kasut roda • Hoki luncur • Selam skuba • Papan luncur (Skateboarding) • Terjun payung (Skydiving) </div> <p>Dengan syarat aktiviti-aktiviti di atas dilakukan sebagai amatir dan untuk tujuan masa lapang. Lain-lain terma dan syarat dan pengecualian di dalam Polisi ini akan berterusan di gunapakai.</p>	Sehingga 50,000
7. Bantuan untuk COVID-19	
<p>Sekiranya Anda diuji positif COVID-19 semasa Tempoh Insurans, Kami akan membayar kepada Anda sekali gus Jumlah Diinsuranskan.</p> <p>Kami tidak akan membayar Manfaat jika Anda diuji positif COVID-19 dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama daripada Tempoh Insurans Berkuatkuasa bagi tahun pertama Polisi atau tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana lebih kemudian.</p> <p>Manfaat ini terhad kepada satu (1) tuntutan sahaja dalam mana-mana satu Tempoh Insurans tahunan.</p>	500

PERLUASAN

1. Pendedahan

Polisi ini akan merangkumi tuntutan yang timbul dari kematian Anda yang merupakan hasil dari pendedahan kepada unsur-unsur semula jadi akibat dari Kemalangan yang tidak dapat dielakkan.

2. Hilang

Sekiranya Anda hilang dan jasad Anda tidak ditemui dalam masa satu (1) tahun selepas kehilangan Anda, Kami akan membayar Manfaat Kematian Akibat Kemalangan selepas meneliti semua bukti yang ada dan Kami berpuas hati bahawa kehilangan tersebut boleh dianggap bahawa kematian Anda berpunca daripada Kemalangan.

Seterusnya, sekiranya Anda didapati masih hidup, apa-apa bayaran yang telah dibuat mestilah dikembalikan kepada Kami.

3. Perlindungan Kerja-kerja Pejabat / Di luar Waktu Bertugas

Jika Anda dilindungi di bawah Polisi ini tetapi pekerjaan Anda atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Anda adalah termasuk di bawah mana-mana pekerjaan yang dikecualikan yang dinyatakan di bawah 'Apa Yang Tidak Dilindungi' - perkara 14, 15 dan perkara 16, Anda tetap akan dilindungi di bawah Polisi ini dengan syarat:

- a) Anda di luar waktu bertugas dan/atau selamat kembali ke daratan pada masa Kemalangan dan Kecederaan tidak timbul semasa melaksanakan pekerjaan Anda atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Anda;
- b) Anda ditugaskan untuk melakukan tugas-tugas pejabat/dalam pejabat sahaja.

4. Keganasan

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Anda berkenaan dengan Kecederaan, kematian dan hilang upaya yang mungkin dialami melalui Keganasan dengan syarat kejadian tersebut tidak timbul akibat atau berkaitan dengan kerjasama Anda atau provokasi tindakan tersebut dan Kematian atau Kecederaan Akibat Kemalangan sebagai akibat dari perbuatan tersebut tidak dapat dielakkan oleh Anda secara wajar.

5. Rampasan

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya yang timbul dari rampasan sama ada semasa melakukan perjalanan menggunakan pengangkutan darat sebagai penumpang bertiket atau semasa melakukan perjalanan di dalam pesawat sebagai penumpang bertiket yang mempunyai laluan udara yang telah ditetapkan dalam pesawat jenis standard yang berlesen penuh yang dimiliki dan / atau dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang diiktiraf atau sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam kapal yang digunakan untuk mengangkut penumpang.

6. Bonus Pembaharuan

Apabila memperbaharui Polisi ini (dengan syarat pembaharuan sedemikian berterusan dan Polisi tidak luput dalam mana-mana tahun tertentu), Bonus Pembaharuan akan dibayar kepada Anda atau wakil sah Anda mengikut mana-mana yang mungkin, sebagai tambahan kepada pembayaran Jumlah Pokok Diinsuranskan atau sebahagian daripadanya yang perlu dibayar berkenaan dengan tuntutan yang dibuat di bawah Seksyen 1 (Kematian Akibat Kemalangan), Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) atau Seksyen 4 (Indemniti Berganda).

Sekiranya tuntutan telah dibuat di bawah Seksyen 1 (Kematian Akibat Kemalangan), Seksyen 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) dan Seksyen 4 (Indemniti Berganda) Polisi ini, sebarang Bonus Pembaharuan tidak akan terpakai semasa pembaharuan Polisi ini dan ia akan kekal sebagai sama dengan jumlah terkumpul sehingga pembaharuan terakhir. Setelah selesai tahun Polisi tanpa tuntutan seterusnya, Bonus Pembaharuan akan terus meningkat sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan sehingga maksimum lima puluh peratus (50%).

